

## PRAKATA PENGERUSI



**Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Malaysia MADANI,**

Ketika kita menilai pencapaian tahun 2023, saya dengan berbesar hati mempersembahkan laporan tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tahun ini telah menyaksikan kemajuan transformasi yang jelas menunjukkan komitmen kami untuk memperkuuh tadbir urus korporat dan persekitaran perniagaan di Malaysia.

Antara sorotan utama tahun 2023 ialah pindaan penting kepada Akta Syarikat 2016. Pindaan ini bertujuan untuk memperkuuh kerangka perundangan kami, khususnya dalam aspek-aspek penting bagi memupuk ketahanan dan ketelusan perniagaan.

Akta yang dipinda ini memperkenalkan kerangka penyelamat korporat yang lebih menyeluruh, termasuk:

### **Perkiraan Sukarela Korporat (CVA):**

Pindaan ini mempermudahkan proses CVA, membolehkan syarikat berunding dengan pembiutang untuk menyusun semula hutang dan meneruskan operasi. Ini menyediakan laluan yang teratur untuk pemulihan, sebagai alternatif kepada likuidasi dan menyokong pemulihan perniagaan yang menghadapi masalah kewangan.

### **Pengurusan Kehakiman:**

Penambahbaikan kepada peruntukan pengurusan kehakiman yang menawarkan fleksibiliti dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam proses penstrukturran semula. Kerangka perundangan yang diperkemas ini membolehkan syarikat untuk memasuki pengurusan kehakiman dalam usaha memulihkan dan menstabilkan operasi mereka, sekaligus mengekalkan nilai perniagaan dan melindungi peluang pekerjaan.

### **Skim Perkiraan atau Kompromi:**

Pindaan ini memperbaiki kecekapan dan ketelusan dalam proses skim perkiraan. Syarikat kini boleh menjalankan rundingan yang lebih efektif dengan pembiutang, memudahkan penyelesaian khusus untuk penyusunan semula dan kompromi. Pendekatan ini memastikan syarikat dapat mengatasi cabaran kewangan dengan mencapai hasil yang adil bagi semua pihak berkepentingan.

## PRAKATA PENGERUSI

Selain daripada mekanisme penyelamat korporat, sebagai respons kepada Penilaian Bersama Malaysia oleh *Financial Action Task Force* (FATF) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) yang akan dilaksanakan pada 2024 dan 2025, SSM telah memperkenalkan pindaan penting terhadap keperluan pelaporan pemunya benefisial. Perubahan ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dalam struktur pemilikan korporat dengan mewajibkan pendedahan yang lebih jelas dan terperinci mengenai pemunya benefisial. Inisiatif ini penting dalam memerangi aktiviti kewangan yang tidak sah, memperbaiki akauntabiliti korporat dan memastikan maklumat pemilikan adalah mudah diakses serta tepat.

“

**Selain itu, tumpuan kami pada transformasi digital terus menyokong kemajuan perundungan pengawalseliaan ini. Kami telah melabur dalam platform digital yang canggih untuk memudahkan pelaksanaan prosedur baharu dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Peningkatan teknologi ini bertujuan untuk mempermudahkan pematuhan bagi perniagaan dan sebagai satu alat yang efektif untuk mengurus penyelamat korporat serta pelaporan pemunya benefisial.**

”

Tahun ini, kami juga telah memberi perhatian khusus kepada penglibatan pemegang taruh untuk memastikan bahawa kerangka perundungan yang dipinda benar-benar memenuhi keperluan praktikal komuniti perniagaan. Maklum balas daripada pakar industri, badan profesional undang-undang dan pemimpin korporat telah memainkan peranan penting dalam memperbaiki pendekatan kami dan memastikan pindaan yang dibuat menangani cabaran sebenar. Dalam langkah seterusnya, komitmen SSM untuk memajukan tadbir urus korporat, meningkatkan ketelusan dan menyokong pertumbuhan perniagaan kekal kukuh. Fokus SSM pada penambahbaikan dan inovasi berterusan akan membimbing SSM dalam melaksanakan perubahan peraturan ini dan menghadapi perubahan dalam landskap perniagaan.

Dengan penuh rasa hormat, saya ingin menyanjung kenangan Allahyarham YB Datuk Seri Salahudin Ayub, sahabat dan mentor saya yang tersayang. Sumbangan dan dedikasi Allahyarham dalam bidang Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan sentiasa dikenang. Kehilangan beliau adalah satu kehilangan besar bukan sahaja kepada keluarga, tetapi juga kepada semua yang pernah berinteraksi dan menerima manfaat daripada nasihat dan kebijaksanaannya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan SSM atas usaha luar biasa mereka dalam memajukan inisiatif ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pemegang taruh kami atas sokongan dan kerjasama berterusan mereka, yang telah memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat bersama kita.

Bersama-sama, kita akan terus membina persekitaran korporat yang berdaya tahan dan dinamik di Malaysia, meletakkan negara kita sebagai destinasi utama untuk pelaburan dan keusahawanan.

Terima kasih atas kepercayaan dan kerjasama anda.

**YBRS. TUAN AHMAD SABKI YUSOF**

Pengerusi  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia